



**PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA*  
**SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN**  
*EDUCATIONAL OPERATIONAL SECTOR*  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**

*Ministry Of Education Malaysia*  
Aras 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Tel: +603-88849302  
Faks: +603-88886680  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-11/2/Jld.5(53 )  
Tarikh : **27** November 2018

Semua Pengarah Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **PENGUMPULAN DAN PEROLEHAN DATA SEKOLAH, GURU DAN MURID**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan (KPPK) telah mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan pada 15 Oktober 2018, 22 Oktober 2018 dan 19 November 2018 bagi membincangkan isu-isu berkaitan pendidikan dan beban tugas guru.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan (KPPK) telah bersetuju supaya segala pengumpulan dan perolehan data sekolah, guru dan murid hendaklah diambil dari sumber data sedia ada yang terdapat di dalam sistem-sistem yang digunapakai oleh semua pihak di Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini adalah bagi mengelakkan Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah memohon data yang sama secara berulang kali daripada pihak sekolah. Walau bagaimanapun, pengumpulan dan perolehan data yang tidak terdapat di dalam sistem sedia ada boleh dibuat berdasarkan keperluan semasa.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengenalpasti terlebih dahulu setiap data yang hendak dibuat kutipan dan melakukan semakan silang dengan pemilik data dan sistem sedia ada sebelum tindakan pengumpulan serta perolehan data secara manual dilakukan.

5. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai berkenaan di Bahagian atau Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah di bawah pentadbiran dan kawalan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Segala kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SHAARI BIN OSMAN**

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Presiden  
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan